

SOALAN NO: 40

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI
JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAPAN LISAN

**DARIPADA : YB DATUK LINDA TSEN THAU LIN
[BATU SAPI]**

TARIKH : 2 November 2016 (Rabu)

SOALAN:

**YB Datuk Linda Tsen Thau Lin [Batu Sapi] minta PERDANA
MENTERI menyatakan cara-cara untuk merangsang ekonomi di negeri
Sabah.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, isu pembangunan di negeri Sabah sentiasa diberi perhatian oleh Kerajaan Persekutuan. Dalam Rancangan Malaysia Kesebelas 2016-2020 (RMKe-11), Kerajaan terus komited dalam usaha merapatkan jurang pembangunan di antara Semenanjung Malaysia serta Sabah dan Sarawak. Tumpuan Kerajaan adalah mempercepatkan pembangunan di negeri Sabah dan Sarawak bagi meningkatkan tahap sosioekonomi melalui penyediaan kemudahan infrastruktur dan utiliti serta peningkatan pelaburan yang akan memberi manfaat terbaik kepada penduduk tempatan.

Pembinaan Lebuhraya Pan Borneo juga akan meningkatkan ketersambungan di Sabah dan Sarawak dan memangkin pertumbuhan ekonomi.

Bagi terus merangsang pertumbuhan ekonomi negara dan mengurangkan ketidakseimbangan dalam dan antara wilayah, Koridor Pembangunan Sabah (SDC) dan Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (SCORE) telah diwujudkan pada tahun 2008. Bagi ekonomi wilayah SDC yang ditubuhkan di Sabah pada tahun 2008 pula, jumlah pelaburan domestik dan asing yang berjaya ditarik sehingga akhir 2015 adalah sebanyak RM153.4 bilion. Dalam tempoh penubuhan SDC sehingga 2015 juga, sebanyak 172,172 peluang pekerjaan telah berjaya diwujudkan. Antara projek utama yang akan menjadi pemangkin pembangunan di Sabah adalah projek Pembesaran Pelabuhan Kontena Sapangar Bay, Kelompok Industri Berasaskan Kelapa Sawit, Sandakan,

Kelompok Industri Berasaskan Kelapa Sawit, Lahad Datu dan Pembinaan Jeti Minyak Sawit di POIC Sandakan. Selain itu, Pusat Inkubator Pembangunan Kreatif Sabah (SAC3) Fasa 2 dengan kos keseluruhan sebanyak RM19 juta juga dijangka akan memanfaatkan golongan belia di Sabah. Kos keseluruhan projek-projek SDC dalam RMKe-11 adalah dianggarkan sebanyak RM2,727 juta.

Secara amnya, usaha berterusan Kerajaan Persekutuan bersama-sama Kerajaan Negeri dalam pelaksanaan projek-projek pembangunan di Sabah mampu untuk menarik pelaburan yang akan menjana peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan seterusnya akan merapatkan jurang pembangunan serta merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN JULIAN TAN KOK PING
[STAMPIN]**

TARIKH : 2 NOVEMBER 2016 (RABU)

SOALAN : 41

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah trafik penumpang yang menggunakan Kuching International Airport (KIA) semenjak tahun 2008 sehingga kini. Senaraikan secara terperinci daripada segi penerbangan domestik ataupun antarabangsa. Nyatakan laluan udara antarabangsa yang DCA luluskan bagi syarikat penerbangan beroperasi dari KIA serta laluan antarabangsa yang sedia wujud di KIA.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berikut adalah statistik penumpang di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching (KIA) dari tahun 2008 sehingga September 2016:

Tahun	Jumlah	Domestik	Antarabangsa
2008	3,238,614	2,977,693	260,921
2009	3,574,632	3,183,499	391,133
2010	3,684,517	3,314,596	369,921
2011	4,286,722	3,898,612	388,110
2012	4,186,523	3,759,074	427,449
2013	4,871,036	4,464,273	406,763
2014	4,852,822	4,518,884	333,938
2015	4,772,453	4,474,237	298,216
2016 (Jan-Sept)	3,572,121	3,351,558	220,563
Jumlah Keseluruhan	37,039,440	33,942,426	3,097,014

Bagi laluan-laluan udara antarabangsa yang telah diluluskan bagi syarikat penerbangan beroperasi dari KIA adalah seperti berikut:

Syarikat penerbangan	Destinasi
Airasia (AK)	Singapura
MAB (MH)	Singapura
Silk Air (MI)	Singapura
XPRESS Air (XN)	Pontianak, Indonesia
Hong Kong Airlines	Hong Kong